WILAYAHKU

BIL 38 27 **SEPTEMBER** - 3 **OKTOBER 2019**

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota

www.wilayahku.com.my



Bank Islam lahirkan 23 jutawan >19



Elena sasar kuasai trek Sukan SEA Manila >22



PEMILIK tanah, Shaharudin Nordin menunjukkan borang pemilihan bentuk pulangan pembangunan semula Kampung Baru.

"Saya akan pulang ke Kampung Baru"

Jumlah penduduk meningkat lepas pembangunan siap

PEMBANGUNAN semula Kampung Baru bakal membawa pulang lebih ramai waris kampung tradisi itu. Ini kerana pelan pembangunan itu menetapkan 70 peratus daripadanya melibatkan perumahan.

Daripada jumlah itu, 50 peratus adalah rumah mampu milik yang bakal dijual kepada pemilik tanah dan waris.

BERITA LANJUT DI MUKA 4



PESTA AIR 2019

PUTRAJAYA

Pembangunan semula sasar penambahan penduduk kepada 160,000 orang

Ramai bakal pulang ke Kampung Baru

KUALA LUMPUR – Cadangan pembangunan semula Kampung Baru yang diusulkan pihak kerajaan bakal membawa pulang lebih ramai waris ke kampung tradisi itu sekiranya projek tersebut berjaya dilaksanakan.

Seorang pemilik tanah di kampung itu, Shaharudin Nordin, 70, berkata, dia yang kini tinggal di Gombak, Selangor sudah pasti dapat kembali semula ke kampung kelahirannya itu sekiranya pembangunan semula siap kelak.

"Saya pasti akan berpindah semula ke Kampung Baru setelah proses pembangunan dan pemodenan selesai dilaksanakan.

"Tidak ada sebab untuk saya tidak pulang selepas proses pembangunan selesai, sekarang keadaan dipenuhi warga asing, tidak teratur dan sesak," katanya kepada Wilayahku selepas menghadiri sesi Town Hall Bersama Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad di Dewan Perdana Felda di sini baru-baru ini.

Pada majlis yang dihadiri kira-kira 2,500 pemilik tanah dan waris di Kampung Baru itu, Khalid membentangkan pelan pembangunan semula kampung tradisi tersebut dengan tawaran pembelian tanah milik penduduk pada harga RM850 sekaki persegi berdasarkan pernilaian dilakukan Jabatan Penilaian dan Perkhidmatan Harta (JPPH) dengan mengambil kira syarat tanah adalah kekal milik orang Melayu.

Cadangan pembangunan semula Kampung Baru akan memberikan fokus kepada 70 peratus projek perumahan manakala 30 peratus lagi untuk bangunan komersial.

Sebanyak 50 peratus daripada bilangan unit kediaman yang dibina pula adalah perumahan mampu milik bagi membolehkan orang Melayu membeli dan memiliki hartanah di Kampung Baru.

Kerajaan menyasarkan pada tahun 2050, penduduk Kampung Baru akan bertambah menjadi 160,000 orang dengan penambahan unit rumah kelak.



SUASANA sesi Town Hall di Dewan Perdana Felda baru-baru ini.



ANTARA penduduk dan waris Kampung Baru mengajukan soalan pada sesi Town Hall baru-baru ini.



SHAHARUDIN



HAWA



NORIAH

Shaharudin berkata, pihaknya telah menandatangani borang pemilihan bentuk pulangan yang dikehendaki bagi pembangunan semula tersebut.

Katanya, dia sebagai pemilik tanah mewakili adik-beradik memang bersetuju dengan cadangan pembangunan semula ini memandangkan bilangan waris sudah meningkat.

"Sekarang waris dan pemilik sudah mencecah 5,000 orang dan sekiranya tidak dilakukan sekarang, maka pembangunan ini pasti tidak dapat dilakukan pada masa hadapan apabila sukar mendapatkan kata putus semua waris yang terlibat," katanya.

> ***"Saya pasti akan berpindah semula ke Kampung Baru setelah proses pembangunan dan pemodenan selesai dilaksanakan***
>
> ***- SHAHARUDIN NORDIN***

Kata Shaharudin lagi, isu Kampung Baru telah melalui beberapa menteri sebelum ini dan harga yang pernah ditawarkan serendah RM200 kaki persegi.

Dalam pada itu, Shaharudin berkata, pihaknya menyifatkan Town Hall yang diadakan baru-baru ini sebagai telus berikutan Khalid sendiri menjawab persoalan yang diajukan pemilik dan waris selain penerangannya mudah difahami.

"Town Hall ini merupakan sesi mesyuarat yang paling ramai yang pernah saya sertai malah ia berlangsung dalam keadaan aman tanpa sebarang ketegangan kerana saya sudah menyertai mesyuarat yang sama kira-kira 20 kali," ujarnya.

Seorang lagi pemilik tanah, Noriah Osman, 50, berkata, Town Hall kali ini adalah lebih baik berbanding dua sesi sebelum ini kerana dapat mengetahui secara terperinci mengenai pembangunan yang hendak dijalankan.

"Dalam sesi ini, kita dapat tahu mengenai faedah yang akan diperoleh oleh pemilik jika menjual tanah dan mengetahui secara jelas masa depan Kampung Baru.

"Tentang harga tanah itu pula, bagi saya ia munasabah sebab kalau nak dibandingkan masa kami beli rumah dulu, harganya cuma RM5,000. Saya pilih pulangan secara tunai kerana ia akan selesai secara terus," katanya yang kini menetap di Putrajaya.

Sementara itu, bagi seorang lagi pemilik yang mahu dikenali sebagai Hawa pula menganggap, tawaran baharu yang dikemukakan kerajaan itu lebih menarik kerana harga yang ditawarkan agak tinggi berbanding apa yang pernah dikemukakan oleh menteri terdahulu.

"Namun dari segi harga, saya mohon kepada pihak menteri untuk menaikkan sedikit supaya pulangan yang bakal diterima oleh pemilik dan waris boleh dianggap berbaloi.

"Bagi saya sekiranya harga dinaikkan kepada RM900 dan mungkin beberapa faedah yang lain akan menarik minat pemilik seperti saya memberikan kerjasama kepada kerajaan untuk membangunkan Kampung Baru," katanya.

Info **Pelan pembangunan semula Kg. Baru**

- Masjid Jamek Kampung Baru dikekalkan, menjadi nukleus pembangunan semula
- 70% : perumahan (50% kediaman mampu milik) 30% : ruang perdagangan dan perkhidmatan
- Komponen utama adalah Taman Warisan Kampung Baru, perumahan pelbagai peringkat pendapatan, perdagangan, kemudahan masyarakat dan infrastruktur, warisan makanan dan kebudayaan
- Pelaksanaan mengambil masa 20 tahun untuk siap sepenuhnya
- Fasa pertama fokus kepada komponen Taman Warisan Kampung Baru

Prinsip Pelan Pembangunan Kampung Baru

- Pelan yang komprehensif dan menarik minat pelabur, pembeli, penyewa
- Penyediaan ruang awam berskala besar
- Jaringan infrastruktur dan keperluan utiliti diutamakan
- Elemen warisan, seni budaya dan cara hidup dipulihara
- Meningkatkan nilai tanah dan memberikan pulangan optimum kepada pemilik
- Lebih ramai orang Melayu berpeluang tinggal dan menjalankan perniagaan di pusat bandar